

UMP Advanced sumbang lebih RM5.7j

UTUSAN MALAYSIA (7/11/16) 27/3/18 (6ELASA) M/S - 27

Oleh SHARIFAH HAZIRAH
SYED JUFFERI

utusanaktr@gmail.com

KUANTAN 26 Mac - Anak syarikat milik penuh Universiti Malaysia Pahang (UMP), UMP Advanced menyalurkan sumbangan lebih RM5.7 juta kepada fakulti dan pusat tanggungjawab universiti berkenaan baru-baru ini.

Penyerahan sumbangan itu disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP Advanced, Ahmad Zakie Ahmad Shariff kepada Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad sempena Majlis Aspresiasi Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kompleks Pentadbiran Utama UMP Kampus Gambang, dekat sini.

Ahmad Zakie berkata, UMP Advanced berjaya merekodkan pencapaian pertumbuhan sebanyak 39 peratus pada tahun lepas iaitu RM21.4 juta secara keseluruhannya berbanding pencapaian pada tahun 2016 sebanyak RM15.4 juta.

"Sumbangan ini adalah hasil pencapaian pada tahun lalu yang tertinggi sejak ditransformasikan daripada sebuah pusat tanggungjawab di bawah universiti.

"Penyaluran sumbangan ini meliputi dividen dan bayaran perkhidmatan kepada universiti



AHMAD ZAKIE AHMAD SHARIFF (dua dari kiri) menyampaikan replika cek kepada **Daing Nasir Ibrahim** (kanan) dalam Majlis Aspresiasi Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

dan agihan pendapatan kepada fakulti dan pusat tanggungjawab yang menjalankan program dengan UMP Advanced," katanya selepas majlis tersebut.

UMP Advanced yang memfokuskan kepada aktiviti pembelajaran sepanjang hayat (PSH) menjadi tonggak kepada penjenamaan pendapatan universiti tersebut.

Menurut Ahmad Zakie, UMP Advanced memainkan peranan aktif dalam membantu univer-

siti itu memberi khidmat dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat melalui latihan kemahiran akademik kepada pelajar yang menduduki peperiksaan utama di bawah program Empower Mahkota ECER.

"Di samping itu, program kemahiran dan keusahawanan turut dijalankan kepada golongan B40 bagi memberi latihan sewajarnya kepada masyarakat dalam meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi mereka," katanya.